



## SURAT PEMBERITAHUAN

### JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BILANGAN 13/2014

Yang Amat Mulia/Yang Dimuliakan/Yang Mulia  
Setiausaha-Setiausaha Tetap  
Ketua-Ketua Jabatan  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN REKOD PERKHIDMATAN GEMS (RPG)

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita menarik perhatian Yang Amat Mulia/ Yang Mulia Pengiran/ Yang Dimuliakan Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai pelaksanaan Sistem Pengurusan Kakitangan Kerajaan yang dikenali sebagai Government Employee Management Systems (GEMS) adalah bertujuan untuk membantu penggunaan dan pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam dengan secara talian (online) kearah yang lebih efektif dan berkesan.

2. Selaras dengan matlamat GEMS yang berperanan menyimpan dan mengurus keseluruhan maklumat setiap warga Perkhidmatan Awam dan maklumat perkhidmatan (Employee Life-Cycle) dari mula berkhidmat sehingga bersara, adalah amat penting dipastikan bagi keseluruhan maklumat tersebut tersimpan dan kemaskini (up-to-date) didalam pangkalan data GEMS dari masa ke semasa. Maklumat-maklumat ini adalah penting bagi kegunaan panduan dan rujukan dalam menjalankan sebarang perancangan, pembangunan serta pengurusan sumber manusia.

3. Kesinambungan daripada beberapa usaha dan inisiatif kearah penggunaan GEMS yang telah dijalankan disetiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya seperti *Use GEMS Day*, *Data Cleansing* (Pembersihan Data) dan *Data Verification* (Pengesahan Data), sejak bulan Januari 2014 yang lalu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Bahagian GEMS telah menjalankan projek terkini iaitu Pengemaskinian Rekod Perkhidmatan GEMS (RPG). Projek ini antaralain bertujuan memberikan perkongsian maklumat mengenai kedudukan pemakaian GEMS di setiap kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya dan tindakan-tindakan kearah penggunaan GEMS, dan seterusnya memberikan penekanan



keatas kepentingan mempunyai RPG bagi setiap pegawai dan kakitangan yang teratur dan sentiasa kemaskini didalam pangkalan data GEMS.

4. Sepertimana jua ketetapan bagi penggunaan RPG yang dimaklumkan kepada perwakilan dari setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya semasa penyampaian taklimat projek RPG tersebut, sukacitanya dipohonkan sokongan dan kerjasama daripada Yang Amat Mulia/ Yang Mulia Pengiran/ Yang Dimuliakan Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan untuk **memastikan pelaksanaan pengemaskinian maklumat-maklumat perkhidmatan setiap pegawai dan kakitangan di kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing adalah berjalan dengan teratur dan berterusan**.

5. Sehubungan dengan itu, sebagai usaha yang berterusan kearah pengurusan sumber manusia yang lebih efektif dan berkesan, sukacitanya dimaklumkan bahawa **mulai dari 1 hb. September 2014 Rekod Perkhidmatan GEMS (RPG) adalah dikuatkuasakan penggunaannya**, seperti berikut :

- a. Kesemua proses sokongan yang melibatkan hal ehwal Lantikan, hal ehwal Perkhidmatan (Kemudahan-kemudahan, Kenaikan gaji Eb / EB Khas, Tindakan Tatatertib, Menamatkan Perkhidmatan, dll), Latihan Dalam Perkhidmatan dan Kursus Khas (Program Pembangunan Eksekutif) yang dihadapkan ke JPA, Ketua Jabatan adalah dimestikan untuk hanya menghadapkan Surat / Memorandum Sokongan (berserta dokumen tertentu) sahaja tanpa perlu menyertakan salinan Rekod Perkhidmatan yang bercetak;
- b. JPA akan memproses setiap sokongan berkenaan dengan hanya merujuk maklumat-maklumat pegawai / kakitangan berkenaan melalui GEMS iaitu merujuk kepada RPG;
- c. Ketua Jabatan adalah dikehendaki dan memastikan maklumat setiap pegawai dan kakitangan adalah sahih, kemaskini dan teratur di dalam GEMS sebelum sokongan dihadapkan dan seterusnya memberikan pengesahan secara bertulis didalam setiap sokongan yang dihadapkan; dan
- d. Bagi mana-mana sokongan yang dihadapkan dengan disertakan salinan Rekod Perkhidmatan yang bercetak, sokongan berkenaan akan dikembalikan bagi Rekod Perkhidmatan berkenaan dikemaskinikan terlebih dahulu kedalam GEMS oleh pihak kementerian / jabatan sebelum sokongan berkenaan dihadapkan semula untuk diproses.

6. Bagi membantu memudahkan lagi kefahaman keatas penggunaan RPG tersebut, kemudahan-kemudahan maklumat yang berkaitan adalah seperti berikut :

- a. **Panduan dan keterangan lanjut** mengenainya boleh didapati di laman sesawang JPA dengan memasuki <http://www.psd.gov.bn> dan klik pautan (link) GEMS : Panduan & Rujukan;



- b. Bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan ID Pengguna, Kata Laluan, Role Mapping (Penentuan Peranan), Reporting To (Melapor Kepada) dan lain-lain mengenai dengan penggunaan aplikasi-aplikasi GEMS dan aduan bolehlah menghubungi **GEMS Helpdesk** melalui emel [gems.helpdesk@psd.gov.bn](mailto:gems.helpdesk@psd.gov.bn) atau menghubungi talian 2382407; dan
- c. Bagi perkara-perkara berhubung dengan **taklimat dan latihan** bolehlah menghubungi Unit Pengurusan Perubahan GEMS melalui [gems.admin@psd.gov.bn](mailto:gems.admin@psd.gov.bn) atau menghubungi talian 2382469 smb. 455 atau fax 2384145.
7. Semua pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, termasuklah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta Ketua-Ketua Jabatan dan warga Perkhidmatan Awam lainnya, adalah dikehendaki memberikan komitmen yang tinggi bagi menjayakan penggunaan GEMS. Ianya adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang pentingnya pelaksanaan proses-proses perkhidmatan disampaikan dengan cepat dan efisien serta salah satu langkah ke arah memodenkan perkhidmatan awam.
8. Sehubungan di atas, Surat Pemberitahuan Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 5/2010 bertarikh 09 Syaaban 1431H bersamaan 21 Julai 2010 adalah berkenaan dan dirujuk.

Sekian yang dapat disampaikan untuk perhatian dan tindakan Yang Amat Mulia/ Yang Mulia Pengiran/ Yang Dimuliakan Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan mengenainya.

وَاللّٰهُ وَلِي التَّوْفِيق

“Bersatupadu Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035”  
“GEMS Memudahkan Pengurusan”

(JAINI BIN HAJI ABDULLAH )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 13 Syawal 1435H / 9 Ogos 2014M  
Rujukan: JPA/1.5/GEMS(HRMS)/01/2014